

Pemuda teras perpaduan

20 SEP 1986

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata corak kepemimpinan Pergerakan Pemuda Umno yang menganjurkan persefahaman di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) sekarang mesti dikekalkan.

Perdana Menteri, yang juga Pengerusi BN, menegaskan dengan adanya golongan muda mengambil langkah seperti itu, akan wujud persefahaman di kalangan pemimpin BN akan datang, untuk meneruskan falsafah parti bagi mengelakkan ketegangan kaum.

Beliau bangga kerana usaha memperingati penubuhan Malaysia dibuat oleh Pemuda BN walaupun ada golongan, terutama parti pembangkang dan puak pelampau, sudah lupa kepada pembentukan Malaysia.

"Saya berpendapat memang baik usaha

KUALA LUMPUR, Selasa

mengadakan komponen di kalangan Pemuda BN ini supaya pemimpin akan datang dapat mengukuhkan falsafah perjuangan parti bagi menjamin keamanan negara.

"Persefahaman ini boleh mengelakkan perbahasan mengenai dasar-dasar yang sudah dibahas dan dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin Perikatan terdahulu iaitu ketika negara mencapai kemerdekaan.

Falsafah

"Golongan pemuda harus meninggalkan perbahasan mengenai perkara itu dan menumpukan kepada perkara-perkara yang dipersetujui dan sudah dicapai kata sepakat," katanya di Perhimpunan Raksasa Ulang Tahun Penubuhan Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba; Pengerusi Majlis Tertinggi Pemuda BN, Encik Anwar Ibrahim; Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam dan pemimpin parti-parti komponen BN.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sehingga kini falsafah bekerjasama antara

kaum terus dikekalkan walaupun timbul masalah yang dilihat daripada sudut berlainan.

"Walaupun kita tidak nampak masalah dari sudut yang sama dan ada suara-suara yang menyakitkan hati, kita percaya konfrontasi bukanlah cara untuk menyelesaikannya.

"Sebaliknya kita memilih cara bekerjasama dan 13 parti komponen BN berunding sekeliling meja untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak. Sehingga kini tidak ada masalah besar yang tidak boleh diselesaikan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sifat melampau tidak ada tempatnya di negara yang mempunyai pelbagai kaum seperti Malaysia, sebaliknya kesederhanaanlah mesti dipupuk, terutama di kalangan golongan muda.

Sehubungan itu, katanya, rakyat harus bersyukur kerana walaupun ada golongan pelampau di negara ini, majoriti rakyat khususnya di kalangan ahli dan pemimpin BN bersikap sederhana serta menyedari keburukan sifat melampau.

Menurut Perdana Menteri, jika golongan muda tidak menerima falsafah yang membawa kemakmuran negara dan membenarkan pengamalan falsafah lain, ia bukan sahaja boleh menjejaskan negara, malah menghancurkannya.